



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 47**

**27hb Februari 2003**

**No. 5**

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 63.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik telah musnah akibat kebakaran.

JADUAL

Mukim—Kelemak. No. Lot—2232. Jenis dan No. Hakmilik—MCL 1245. Luas—  
0.7537 hektar.

Bertarikh 6 Februari 2003.  
[PTAG. B1/01/878/2003.]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Alor Gajah

**No. 64.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

H.S.(D) No. 31231 Mukim Balai Panjang Daerah Melaka Tengah (Hakmilik hilang).

## JADUAL

Mukim—Balai Panjang. No. P.T.—468. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) No. 31231 Mukim Balai Panjang. Luas—89 meter persegi.

Bertarikh 17 Januari 2003.

HJ. SULAM BIN HAMID,  
b.p. Timbalan Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,  
Melaka

**No. 65.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

H.S.(D) No. 13091 Mukim Bachang Daerah Melaka Tengah (Hakmilik hilang).

## JADUAL

Mukim—Bachang. No. P.T.—2915. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) No. 13091 Mukim Bachang. Luas—111 meter persegi.

Bertarikh 24 Januari 2003.

HJ. SULAM BIN HAMID,  
b.p. Timbalan Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,  
Melaka

**No. 66.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Bohari bin Hussien, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada 26 Julai 2003 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah Jasin; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM20,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM22,950.39.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Nyalas. No. P.T.—101. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 458. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Persn. 2235/96, Jilid 91, Folio 87. Satu (1) Hakmilik sahaja.

Bertarikh 9 Januari 2003.  
[PTJ/D. 1512(31A).]

Pentadbir Tanah Daerah,  
Jasin

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

**No. 67.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Sistem Perparitan.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Alor Gajah. Mukim—Ramuan China Kecil.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	MCL		Hektar	Hektar
39	220	Senap bte Akir 1/2 bhg., Siti Arfah bte Abd. Ghani	0.0911	0.0158

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	MCL		Hektar	Hektar
		1/16 bhg., Zainon bte Ab. Ghani 1/16 bhg., Zaiton bte Said 1/4 bhg. dan Zawiyah bte Abas 1/8 bhg.		
	GM			
90	25	Ariffin bin Jantan 1/3 bhg., Che Aminah bte. Hj. Ahmad 1/3 bhg. dan Mariah bte Aripin 1/3 bhg.	1.0004	0.0108
91	26	Ariffin bin Jantan 1/3 bhg., Che Aminah bte. Hj. Ahmad 1/3 bhg. dan Mariah bte Aripin 1/3 bhg.	0.6107	0.0413
92	27	Ariffin bin Jantan 1/3 bhg.	0.6062	0.0762

Bertarikh 30 Januari 2003.  
[PTG(M) PK/1/81.]

JAAFAR BIN ABU,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka

**No. 68.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk tujuan Rizab Jalan.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Bandar VII.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	DSPN		Meter persegi	Meter persegi
163	163	Tan Chay Yan Realty Sdn. Bhd.	8809	70
	Geran			
1020	15645	Gan Boon Her	2916	62

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	Geran		Meter persegi	Meter persegi
110	15753	Low Tiam Loon 1/3 bhg. dan The Moi Neo 2/3 bhg.	1472	32
108	15645	Ong Holdings Sdn. Bhd.	1870	41

Bertarikh 30 Januari 2003.  
[PTG(M) PK/1/76.]

JAAFAR BIN ABU,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka

**No. 69.**

(Seksyen 35(1))

PEMBERITAHU PENARIKAN BALIK PENGAMBILAN TANAH

Adalah diberitahu bahawasanya cadangan pengambilan balik tanah yang dinyatakan di dalam Jadual berikut yang telah diisytiharkan di dalam *Warta* Kerajaan Negeri Melaka No. 201 bertarikh 8 November 2001 untuk tujuan Rizab Parit adalah dengan ini dibatalkan.

JADUAL

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Paya Rumput. No. Lot Ukur—721. Hakmilik atau Pendudukan—DSPN 721. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Lim Mun Ling 1/2 bhg. dan Kwo Yit Ree 1/2 bhg. Keluasan Lot—9.447 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.0756 hektar.

Bertarikh 28 Januari 2003.  
[PTG(M) PK/1/19.]

JAAFAR BIN ABU,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA